

TERMA & SYARAT

Kempen “Beraya Bersama DuitNow QR x MYDIN”

1. Penganjur

Kempen ini dianjurkan oleh **MYDIN Mohamed Holdings Berhad** dengan kerjasama **Payments Network Malaysia (PayNet)**.

2. Tempoh Kempen

Kempen ini berlangsung dari **1 Mac 2026 hingga 31 Mei 2026**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”).

3. Kelayakan

Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan yang:

- Berumur **18 tahun dan ke atas**;
- Membuat pembelian di **semua cawangan MYDIN** yang mengambil **bahagian**; dan
- Membuat bayaran menggunakan **DuitNow QR** melalui mana-mana aplikasi **perbankan** yang mengambil bahagian.

4. Mekanik Penyertaan

Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan termasuk Ahli Meriah dan juga bukan Ahli Meriah.

A. Ahli Meriah

- Pembelian minimum **RM100 dalam satu resit**.
- Pelanggan mesti **mengimbas Kad Meriah** semasa pembayaran.
- Layak menerima **baucar bernilai RM10** serta merta
- Baucar akan dikeluarkan melalui **resit**.

B. Bukan Ahli Meriah

- Pembelian minimum **RM100 dalam satu resit**.
- Layak menerima **baucar bernilai RM5**.
- Baucar akan dikeluarkan melalui **resit**.



Contoh kod baucar pada bawah resit

5. Penebusan Baucar

- Baucar hanya sah untuk **pembelian seterusnya** di MYDIN.
- Penebusan baucar **mesti dibuat melalui bayaran DuitNow QR sahaja**.
- Baucar **tidak boleh ditukar kepada wang tunai**, tidak boleh dipindah milik, dan tidak boleh digabungkan dengan promosi lain kecuali dinyatakan sebaliknya.
- Tempoh sah baucar akan dinyatakan pada baucar/resit.

6. Terma Am

- MYDIN berhak untuk **mengubah, menangguhkan atau menamatkan kempen** ini tanpa notis terlebih dahulu.
- MYDIN berhak untuk **membatalkan kelayakan** mana-mana penyertaan yang disyaki menipu atau melanggar Terma & Syarat.
- Dengan menyertai kempen ini, peserta bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat ini sepenuhnya.
- Gambar dan visual kempen adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.